



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FUNGSI WARNA DAN KEMAHIRAN MEWARNA
PADA FOLIO PEMBUNGKUSAN DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TINGKATAN EMPAT : KAJIAN KES
DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JOHAN BIN YAZID ZIANI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FUNGSI WARNA DAN KEMAHIRAN MEWARNA PADA FOLIO
PEMBUNGKUSAN DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TINGKATAN EMPAT:KAJIAN KES
DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH**

JOHAN BIN YAZID ZIANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

26.04.2011

JOHAN BIN YAZID ZIANI
M20072000731





PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, saya telah dianugerahi kekuatan fizikal dan mental daripada Allah s.w.t. bagi menyiapkan kajian ini. Saya bersyukur dan mendoakan kepada semua yang sentiasa membimbing, memberikan dorongan dan semangat dilimpahi rahmat oleh Allah s.w.t.

Kesempatan ini saya tujukan kepada kedua-dua orang penyelia saya yang sangat tekun dalam menyumbangkan idea, ilmu, masa dan tenaga dalam membimbing, menasihati, memberikan komen serta meningkatkan celik akal saya dalam memberikan panduan secara ilmiah serta profesional sepanjang penulisan disertasi ini. Kepada Dr. Md Nasir Bin Hj. Ibrahim dan Dr. Khuan Wai Bing yang mempunyai kepakaran masing-masing, saya ucapkan jutaan terima kasih. Tidak dilupakan Dr. Ahmad Suhaimi Bin Mohd Noor penyelia asal sebelum beliau bercuti sabatikal, jutaan terima kasih diucapkan. Kepada Allah s.w.t. saya mohon mereka serta keluarga sentiasa diberikan rahmat dan hidayahNya. Kepada pembaca disertasi, semua pensyarah dan juga kakitangan Pejabat Am Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif dan Institut Pengajian Siswazah, ucapan terima kasih kerana sentiasa tidak mengecewakan saya dengan bantuan dari semasa ke semasa. Kepada pihak Kementerian Pendidikan, khususnya Bahagian Pendidikan Guru yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian terutama galakan dan sokongan mereka. Kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan juga diucapkan terima kasih kerana memberi kelulusan untuk saya meneruskan kajian di lapangan. Kepada pihak Bahagian Biasiswa yang sentiasa menjaga kebajikan saya selama ini. Kepada sekolah, guru pembimbing dan peserta kajian saya dahului ucapan berbilang terima kasih atas sokongan dan sumbangan, tenaga, buah fikiran dan masa yang dikongsikan bersama saya. Kepada seluruh ahli keluarga, ibu bapa dan isteri Suhaiza Bt Abdul Rahman serta anak-anak Luqman Hakim, Nur Anis Nadhirah, Nurin Nabilah dan Adam Faris doa, restu dan pengorbanan kalian sungguh bermakna. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menjadi pendorong kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga tamat diucapkan terima kasih.

Syukur Alhamdulillah.

Johan Bin Yazid Ziani
Taiping,
Perak Darul Ridzuan.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar tentang fungsi warna dan kemahiran mewarna untuk penghasilan folio pembungkusan dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di salah sebuah sekolah menengah harian di Daerah Larut Matang dan Selama, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif khususnya kajian kes intrinsik. Peserta kajian terdiri daripada sembilan orang pelajar tingkatan Empat pelbagai tahap kebolehan dari tiga buah kelas. Dalam kajian ini kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan dalam pengumpulan data. Data daripada pemerhatian dan dokumen dianalisis berasaskan kepada folio pembungkusan pelajar. Data daripada temu bual ditranskrip secara verbatim dan manual. Selepas itu data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep warna pada folio pembungkusan adalah lemah. Penguasaan pelajar terhadap fungsi warna dan kemahiran mewarna adalah pada tahap sederhana. Dapatan juga menunjukkan pelajar tidak dapat memahami dan menguasai konsep warna, fungsi warna dan kemahiran mewarna dengan baik. Walaupun begitu, terdapat beberapa orang pelajar yang dapat memahami dan menguasai konsep warna tetapi terhad kepada warna-warna asas sahaja. Kelemahan penguasaan pelajar dalam memahami dan menguasai konsep warna, fungsi warna dan kemahiran mewarna adalah disebabkan oleh sikap pelajar itu sendiri. Selain itu, dapatan juga menunjukkan faktor guru, sukatan pelajaran, sosio ekonomi dan persekitaran turut menyumbang kepada kelemahan pelajar berkenaan. Kesimpulan kajian ini mendapati bahawa pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap konsep warna, fungsi warna dan kemahiran mewarna secara keseluruhan adalah lemah. Cadangan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mewarna pelajar termasuk bengkel mewarna, program '*team teaching*', program pembimbing rakan sebaya, modul kembara seni, kem seni, lawatan ke galeri dan pameran seni lukis.





ABSTRACT

FUNCTIONS OF COLOUR AND COLOURING SKILLS ON PACKAGING FOLIOS AMONG FORM FOUR: A CASE STUDY AT SMK JELAI, BATU KURAU, PERAK.

This study was conducted to identify the level of understanding regarding the functions of colour and colouring skills in producing packaging folios among Form Four students in one of the daily secondary schools in the Larut Matang and Selama District. This study used the qualitative methodology specifically intrinsic case study. The respondents for this study consisted of nine Form Four students with various levels of abilities from three different classes. In this study, data was collected from observations, interviews and documents. Data from the observation and documents were analysed based on the students' packaging folios. Data from the interviews were transcribed verbatim and manually. Then, it was analysed using the content analysis method. The findings showed that students' understanding of functions of colour and colouring skills on the packaging folios was still weak. Mastery of the functions of colour and colouring skills was at a moderate level. The findings also showed that students were still unable to understand and grasp the concepts and functions of colour, and skills in applying colour well. Nevertheless, a few students were able to understand and grasp the concept of colour but it was limited to basic colours only. The students' weakness in understanding and grasping the concepts and functions of colour, and colouring skills was due to their own attitude. In addition, the findings showed that teachers, syllabus, socio-economic status and the environment also contributed to the students' weaknesses. In conclusion, this study showed that students' understanding and mastery of the concepts and functions of colour, and their colouring skills were weak. Suggestions to enhance colouring knowledge and skills included colouring workshops, team teaching, peer mentoring programme, art adventure module, art camp, gallery visit and art exhibition.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	
Jadual 2.1 Warna Mengikut Perspektif Budaya Beberapa Buah Negara Dunia	68
Jadual 3.1 Sistem Pengredan	109
SENARAI RAJAH	
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual	13
Rajah 2.1 Roda Warna	31
Rajah 2.2 Teori Pembelajaran Gagne	48
Rajah 2.3 Model Pembelajaran Gagne	52
Rajah 2.4 Proses Pengamatan Melalui Mata	56
Rajah 2.5 Model Pembelajaran Behaviorisme – Kognitivisme	
– Konstruktivisme	59
Rajah 3.1 Prosedur Pemerolehan Data	112
Rajah 4.1 Pelan Studio Seni	144



**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Tujuan dan Objektif Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Kerangka Konseptual	13
1.7	Fokus Kajian	16
1.8	Definisi Operasional	17
1.9	Penggunaan Warna	20
1.10	Teknik Mewarna Media Basah	20
1.11	Teknik Cat Air	21

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Kajian Warna	24
2.3	Teori Warna	31
2.4	Jenis warna	32
2.5	Nilai warna	33
2.6	Gubahan Warna	34
2.7	Suhu Warna	36
2.8	Warna bertindak	37
2.9	Warna dalam Konteks Psikologi	37
2.10	Warna dalam Bentuk Pigmen	42



2.11	Pendekatan Teori Pembelajaran dan Model-Model Berkaitan	46
2.11.1	Teori Pembelajaran Gagne	46
2.11.2	Teori Gestalt dan Hukum Pragnanz	54
2.11.3	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	57
2.12	Konsep Warna dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	63
2.13	Peranan Warna dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	65
2.14	Portfolio	68
2.15	Fungsi Warna Dalam Pembungkusan	74
2.16	Rumusan	79

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.3	Kajian Kes	84
3.4	Lokasi Kajian	87
3.5	Responden Kajian	90
3.6	Kajian Rintis	94
3.7	Instrumen Kajian	97
3.8	Kaedah Pemerhatian	98
3.9	Kaedah Temu Bual	101
3.10	Analisis Folio	107
3.11	Prosedur Pemerolehan Data	112
3.12	Rancangan Kajian	115
3.13	Etika Kajian	117



3.14	Data Penyelidikan	119
3.15	Proses Penganalisan Data	119
3.16	Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	121
3.17	Proses Pengekodan Data	128
3.18	Kesimpulan	130

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	132
4.2	Profil Peserta Kajian	133
4.2.1	Profil Peserta Kajian (Pelajar)	133
4.2.1.1	Profil Peserta Kajian (PK1)	134
4.2.1.2	Profil Peserta Kajian (PK2)	135
4.2.1.3	Profil Peserta Kajian (PK3)	136
4.2.1.4	Profil Peserta Kajian (PK4)	137
4.2.1.5	Profil Peserta Kajian (PK5)	138
4.2.1.6	Profil Peserta Kajian (PK6)	139
4.2.1.7	Profil Peserta Kajian (PK7)	140
4.2.1.8	Profil Peserta Kajian (PK8)	141
4.2.1.9	Profil Peserta Kajian (PK9)	142
4.3	Profil Peserta Kajian (Guru)	146
4.3.1	Profil Peserta Kajian Guru 1 (PKG1)	146
4.3.2	Profil Peserta Kajian Guru 2 (PKG2)	148
4.4	Kefahaman Pelajar Terhadap Fungsi Warna Pada Folio Pembungkusan	150
4.5	Aplikasi Fungsi Warna Pada Folio Pembungkusan	178
4.6	Penguasaan Kemahiran Mewarna oleh Pelajar dalam Penghasilan	





	Folio Pembungkusan	184
4.7	Rumusan	198

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	200
5.2	Ringkasan Kajian	201
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	204
5.3.1	Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep Warna Pada	
	Folio Pembungkusan	205
5.3.1.1	Jenis-Jenis Warna	205
5.3.1.2	Mencampur Warna	208
5.3.1.3	Nilai Warna	209
5.3.1.4	Gubahan Warna	210
5.3.1.5	Suhu Warna	211
5.3.1.6	Warna Bertindak	212
5.3.2	Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Fungsi Warna Pada	
	Folio Pembungkusan	213
5.3.3	Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Kemahiran Mewarna Pada	
	Folio Pembungkusan	215
5.3.3.1	Media Warna	215
5.3.3.2	Teknik Mewarna	216
5.3.3.3	Berus Warna	217
5.4	Kesimpulan	219
5.5	Batasan Yang dikenalpasti Sesudah Kajian	221
5.6	Cadangan Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Mewarna	222



5.7 Cadangan Kajian Lanjutan 235

RUJUKAN 237

LAMPIRAN

**LAMPIRAN A : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dasar Dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian
Pendidikan Malaysia**

LAMPIRAN B : Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak

**LAMPIRAN C : Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian
Di Sekolah**

LAMPIRAN D : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Institut

Pengajian Siswazah, UPSI

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  [ptbupsi](https://www.instagram.com/ptbupsi)

LAMPIRAN E : Matrik Pengumpulan Data

LAMPIRAN F : Borang Catatan Lapangan / Pemerhatian

LAMPIRAN G : Set Soalan Temu Bual

LAMPIRAN H : Borang Analisis Folio / Dokumen

LAMPIRAN I : Skema Pemarkahan Folio

LAMPIRAN J : Borang Analisis Data Pemerhatian

LAMPIRAN K : Borang Analisis Data Temu Bual

LAMPIRAN L : Pengekoden

LAMPIRAN M : Gambar Karya Akhir Peserta Kajian



SENARAI GAMBAR

Karya Akhir Peserta Kajian 1

Karya Akhir Peserta Kajian 2

Karya Akhir Peserta Kajian 3

Karya Akhir Peserta Kajian 4

Karya Akhir Peserta Kajian 5

Karya Akhir Peserta Kajian 6

Karya Akhir Peserta Kajian 7

Karya Akhir Peserta Kajian 8

Karya Akhir Peserta Kajian 9





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang fungsi warna dan kemahiran mewarna pada folio pembungkusan dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4. Tajuk warna telah dipelajari oleh murid-murid sejak mereka mula berada dibangku sekolah lagi tetapi dalam ruang lingkup yang kecil. Di Tingkatan 1 hingga 3, murid-murid diperkenalkan dengan warna dalam skop yang lebih besar seperti jenis-jenis warna, gubahan warna, suhu warna dan nilai warna. Pelbagai aktiviti mewarna dilakukan, salah satunya adalah seperti melukis dua gambar yang sama tetapi menggunakan dua suhu warna yang berbeza seperti warna panas dan warna sejuk. Menerusi aktiviti ini, pelajar dapat membezakan suhu warna walaupun gambarnya adalah sama.

Aplikasi warna menjadi lebih luas lagi semasa pelajar berada di peringkat menengah atas kerana di dalam Kertas 1, Kertas 2 dan Kertas 3 Sijil Pelajaran





Malaysia, warna adalah salah satu daripada kriteria yang dinilai terutamanya dalam Kertas 2 iaitu Seni Halus atau Menggambar yang mana pelajar mengaplikasi warna sepenuhnya pada lukisan yang dihasilkan malahan dalam lukisan tersebut semua skop warna diaplikasikan sepenuhnya seperti warna sejuk, warna panas, warna asas, warna sekunder dan warna tertier. Empat aspek yang ditekankan dalam penilaian Kertas 2 iaitu gubahan, warna, interpretasi dan olahan idea, aspek warna mewakili 15 peratus markah dan ini jelas terbukti penekanan pembelajaran aspek warna kepada pelajar amat ditekankan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).

Penggunaan warna juga ditekankan di dalam Kertas 3 iaitu semasa proses penghasilan folio untuk mendapatkan produk yang dikehendaki. Dalam folio pembungkusan ini nanti, pelajar dikehendaki membuat kajian warna pada reka bentuk pembungkusan yang hendak dihasilkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

Aplikasi warna dalam penghasilan folio pembungkusan pelajar atau responden yang dipilih adalah berfokus kepada fungsi warna dan kemahiran mewarna pelajar.

Bidang Penghasilan Seni Visual menyediakan peluang kepada pelajar mengaplikasi kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan asas seni reka dalam pelbagai teknik. Asas seni reka terdiri daripada Unsur-Unsur Seni, Prinsip Rekaan dan Struktur Rekaan. Ketiga-tiga aspek tersebut mempunyai aplikasi yang luas dalam bidang reka bentuk terutamanya seni halus, seni grafik, seni tekstil, reka bentuk industri, seni hiasan landskap, seni hiasan dalaman serta lukisan kejuruteraan.





Penyelidik tidak menafikan kepentingan unsur-unsur seni lain seperti garisan, jalinan, rupa, bentuk, ruang serta prinsip dan struktur rekaan dalam penghasilan sesuatu karya seni tetapi fokus kajian penyelidik hanyalah kepada unsur warna. Warna sememangnya memainkan peranan yang amat penting dalam segala aspek kehidupan manusia dan makhluk alam yang lain antaranya dari segi personaliti, kebudayaan, psikologi, sains dan teknologi dan seumpamanya.

Proses penghasilan folio Kajian Rekaan Seni Visual menghendaki calon-calon yang mengambilnya semasa Sijil Pelajaran Malaysia membuat kajian dan amali dalam membuat suatu projek. Projek menghasilkan pembungkusan beg kertas misalnya memerlukan pelajar-pelajar mempunyai kemahiran dalam membuat produk akhir (artifak) dan pengetahuan teori tentang tema, motif, alat dan bahan, teknik dan proses penghasilan selain pengetahuan asas unsur-unsur seni dan prinsip rekaan.



Dalam seni tampak, warna menjadikan komunikasi tampak lebih berkesan. Selain daripada menjadikan sesuatu hasil gubahan itu lebih menarik, ia juga digunakan oleh pengkaryawanan untuk tujuan ekspresif. Tujuan utama teori warna dipelajari adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami ciri-ciri dan fungsi warna serta tahu mengaplikasikan pengetahuan ini dalam aktiviti-aktiviti seni tampak lain contohnya semasa aktiviti menggambar dijalankan dengan tajuk yang diberi oleh guru.

Dalam aktiviti seni visual, warna dijadikan alat komunikasi yang sangat berkesan. Warna hijau, kuning dan merah memberikan makna yang sangat berkesan





dalam sistem lampu isyarat. Warna menjadikan sesuatu hasil gubahan itu kelihatan lebih menarik. Penggiat seni menggunakan warna untuk tujuan ekspresif diri. Sapan berus yang bertenaga dengan warna tertentu diletakkan dapat memberikan satu kesan yang menarik dan bermakna.

Pembungkusan ialah medium untuk memelihara kualiti dan kuantiti kandungan sesuatu benda atau barang. Pembungkusan terbahagi kepada dua jenis iaitu pembungkusan tradisional dan pembungkusan moden (Hassan, 2000). Pembungkusan tradisional ialah pembungkusan yang menggunakan bahan persekitaran untuk membungkus barang-barang. Kebanyakan pembungkusan ini menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai pembungkusannya. Antara bahan yang digunakan seperti daun pisang, daun palas, daun pandan atau mengkuang. Kebanyakannya digunakan untuk membungkus bahan-bahan makanan seperti nasi dan kuih-muih.



Sejajar dengan perkembangan zaman moden, pembungkusan juga turut berubah dan tidak lagi menggunakan tumbuh-tumbuhan yang lazimnya dalam pembungkusan tradisi. Pembungkusan moden ialah pembungkusan yang menggunakan bahan-bahan seperti kertas, plastik, kaca, kayu atau logam. Pembungkusan moden ini terbahagi kepada tiga, mengikut kesesuaian kandungannya iaitu barangan bersifat lembut atau serbuk, barangan cecair atau krim dan barangan keras.

Dalam industri pembungkusan, warna memainkan peranan yang amat penting untuk menarik perhatian pengguna selain menjadikan produk yang mereka hasilkan





kelihatan lebih menarik dan cantik. Warna juga dapat menyampaikan mesej melalui visual tampak contohnya bagi pembungkusan *chewing gum*, warna putih melambangkan perisa *cool*, warna jingga melambangkan perisa oren, warna merah melambangkan perisa strawberi dan sebagainya. Jadi tidak hairanlah kita dapat melihat pelbagai warna digunakan oleh syarikat-syarikat bagi industri pembungkusan mereka.

Pemilihan warna amat penting dalam pembungkusan. Warna digunakan untuk menarik perhatian pengguna terutama golongan kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan sasaran utama pembeli barangan pembungkusan seperti makanan-makanan ringan contohnya *Twistie*. Pembungkusan *Twistie* mampu menarik perhatian kanak-kanak untuk membeli kerana kekuatan warna dan corak pada pembungkusan tersebut yang secara tidak langsung merangsang minat kanak-kanak terhadap pembungkusan itu.

Sesetengah pengeluar barangan menjadikan warna sebagai identiti produk mereka, contohnya produk petroleum keluaran syarikat Petronas menggunakan warna hijau yang bermotifkan objek titisan air mana kala Shell pula menggunakan warna kuning dan merah bermotifkan objek hidupan laut iaitu kerang. Kedua-dua syarikat gergasi minyak ini telah berjaya meletakkan warna sebagai satu strategi kepada pengenalan produk mereka dalam dunia petroleum. Kedua-dua warna ini mampu menjadi saingan dan pilihan kepada para pengguna untuk membeli minyak di syarikat pilihan mereka sama ada Shell atau Petronas.





1.2 Pernyataan Masalah

Pengetahuan teori dan kemahiran mewarna dalam folio sangat penting supaya pelajar mampu menghasilkan pembungkusan yang baik. Pemahaman dan penguasaan pelajar tentang warna dapat membantu pelajar menghasilkan karya atau projek pembungkusan dengan lebih baik dan berkualiti seterusnya mampu mendapat skor markah yang tinggi khususnya bagi Kertas 3 Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV).

Masalah yang timbul dalam kalangan pelajar-pelajar ialah kelemahan mewarna khususnya dalam bidang pembungkusan. Mewarna di atas permukaan rata berbeza dengan mewarna dalam pembungkusan kerana dalam pembungkusan warna-warna yang digunakan adalah terhad. Warna dalam pembungkusan begitu terhad penggunaannya dan ia begitu berbeza dengan mewarna dalam Kertas 2 (Seni Halus) Sijil Pelajaran Malaysia. Penggunaan warna dalam Seni Halus adalah lebih meluas dan pelbagai.

Melalui analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2006 di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai, Batu Kurau didapati keputusan pelajar mendapat pangkat Cemerlang, Kepujian dan Lulus semakin merosot dari tahun 2005. Bilangan pelajar mendapat cemerlang tahun 2006 ialah 0 daripada 2 orang tahun 2005, kepujian 65 orang (2006) daripada 103 orang (2005) dan lulus 8 orang (2006) daripada 18 orang (2005).





Minit mesyuarat panitia Pendidikan Seni Visual yang diperoleh dari ketua panitia 3 buah sekolah di daerah Larut Matang dan Selama, Perak bagi tahun 2007 dan 2008 menunjukkan pelajar-pelajar kebanyakannya lemah dalam kemahiran mewarna. Kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran mewarna menyebabkan mereka tidak dapat mengaplikasikannya dalam tugas yang diberi serta kertas-kertas yang diambil dalam peperiksaan.

Hasanah (2006) melalui kajian tindakannya mendapati kebanyakan pelajar Tingkatan 4 sekolah kajiannya mempunyai asas mewarna yang agak lemah. Selain itu, mereka juga tidak dapat menguasai teknik menggunakan berus dan warna dengan baik. Sekiranya keadaan ini berterusan pelajar-pelajar tidak akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam kertas-kertas peperiksaan Pendidikan Seni Visual khususnya kertas 2 (Seni Halus) dan kertas 3 (Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual).

Kefahaman, kemahiran dan fungsi warna adalah sangat penting kepada pelajar-pelajar yang mempelajari Pendidikan Seni Visual terutama Kertas 2 iaitu Seni Halus malahan sekiranya kefahaman tentang aspek warna tidak ditekankan kepada pelajar-pelajar ia turut mempengaruhi mereka semasa menghasilkan folio Kajian Rekaan Seni Visual Kertas 3 SPM akan datang.

Fenomena ini jika tidak dikaji serta diambil perhatian dan tindakan oleh guru-guru akan menyebabkan pelajar-pelajar terus mendapat markah yang rendah malah gagal dalam peperiksaan terutama pelajar-pelajar yang akan menduduki Peperiksaan





Sijil Pelajaran Malaysia. Isu ini juga jika tidak diatasi akan menyebabkan pelajar-pelajar terus lemah dalam aspek pemahaman, kemahiran dan fungsi warna.

Secara kesimpulannya kefahaman, kemahiran dan aplikasi fungsi warna serta unsur-unsur seni yang lain amat penting dan perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar dalam proses penghasilan folio Kajian Rekaan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mahupun hasil-hasil karya yang lain.

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti fungsi warna dan kemahiran mewarna pada folio pembungkusan dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai, Batu Kurau, Perak.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap fungsi warna pada folio pembungkusan.
2. Mengenal pasti kemahiran mengaplikasi fungsi warna dalam penghasilan folio pembungkusan oleh pelajar.
3. Mengenal pasti kemahiran mewarna dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah pada folio pembungkusan.





1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap fungsi warna pada folio pembungkusan?
2. Bagaimanakah pelajar-pelajar mengaplikasi fungsi warna pada folio pembungkusan?
3. Sejauhmanakah pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran mewarna dalam penghasilan folio pembungkusan?

1.5 Kepentingan Kajian



Kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat dan memberi gambaran sebenar tahap pengetahuan pelajar tentang fungsi warna dan kemahiran mewarna pelajar-pelajar. Kajian ini dapat membantu usaha-usaha memantapkan program pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah menengah.

Kajian tentang warna tidak banyak dilakukan terutamanya dalam negara kita sebagai contoh kajian mengenai pengetahuan pelajar terhadap fungsi warna ataupun tahap kemahiran pelajar dalam mewarna. Mungkin ada pengkaji yang membuat kajian tentang warna tetapi dari aspek kajian yang berbeza contohnya Kasran (2003) yang membuat kajian tentang Kefahaman Warna dalam Pembelajaran Pendidikan Seni dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 2. Hasanah (2006) membuat kajian tentang





Tahap Penguasaan Teknik Mewarna Catat dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah di Sitiawan, Perak. Menyedari kepentingan warna dalam pelbagai aspek kehidupan kita, pengkaji berminat untuk melakukan kajian ini.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Pusat Perkembangan Kurikulum dalam menyemak dan menilai semula kandungan kurikulum sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan memasukkan elemen-elemen warna dan fungsinya dalam sukatan. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (2000) aspek warna diajar kepada pelajar merangkumi aspek teknikal dan teori warna-warna asas sahaja.

Melalui analisis dokumen Buku Sumber Guru Pendidikan Seni Visual, didapati bahawa tidak ada langsung dalam sukatan atau kandungan kurikulum yang menerangkan tentang fungsi dan makna warna. Ini menyebabkan kebanyakan pelajar tidak memahami makna dan fungsi warna dalam kehidupan mereka, makna warna dalam budaya, warna dalam konteks emosi dan fungsi warna bagi pembungkusan di dalam pasaran dan sebagainya.

Kajian ini penting kerana ia memberi kesedaran kepada kita bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar-pelajar tentang fungsi dan makna warna adalah rendah. Kemahiran mereka dalam mewarna juga rendah. Kedua-dua aspek ini penting terutama bagi pelajar yang hendak menghasilkan pembungkusan yang baik. Dalam pemarkahan karya akhir folio pembungkusan, aspek lain yang dinilai bersama ialah gubahan, interpretasi, kreativiti dan kekemasan hasil kerja.





Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Institut Perguruan, Universiti dan seumpamanya dalam menilai semula program berkaitan Pendidikan Seni yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar. Penilaian dan penyemakan semula program yang ditawarkan adalah penting agar dapat melahirkan generasi pelajar yang benar-benar celik seni, kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang seni atau opsyen yang dipilih.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pentadbir sekolah dalam menggariskan kriteria tertentu sebelum menyusun dan menentukan guru mata pelajaran bagi mengajar mata pelajaran mengikut pengkhususan mereka khususnya guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Kekurangan pengetahuan tentang asas dan kemahiran dalam seni oleh guru bukan opsyen menyukarkan guru-guru terbabit untuk mengajar mata pelajaran berkenaan dengan baik dan berkesan.

Bagi guru-guru mata pelajaran khususnya guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, hasil kajian ini dapat digunakan untuk menilai kesediaan diri mereka sebelum sesuatu pengajaran dilaksanakan. Kesediaan diri guru sebelum sesuatu pengajaran dan pembelajaran amat penting kerana ia akan menentukan tercapainya objektif yang dihasratkan. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih lancar dan berkesan.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik dan berkesan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran tentang tajuk warna contohnya guru dapat





memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar tentang pentingnya peranan warna dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Melalui kefahaman dan penekanan tentang tajuk warna oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual ini, ia dapat membantu pelajar-pelajar dalam membuat pemilihan dan aplikasi warna dengan lebih baik dan betul dalam segala hal khususnya aktiviti yang melibatkan pendidikan seni visual.


Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh guru-guru dalam menyediakan alat bantu mengajar dengan lebih baik dan sesuai dengan pelajar. Guru-guru perlulah menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, objektif dan isi pelajaran yang relevan serta sesuai dengan tahap kebolehan dan penguasaan pelajar-pelajar mereka. Selain itu, guru-guru dapat menilai pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran terhadap fungsi warna kepada pelajar-pelajarnya.



Di pihak pelajar, hasil kajian ini diharap dapat membantu pelajar khususnya pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menghasilkan portfolio dengan lebih baik dan berkualiti serta memenuhi kriteria penilaian seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Guru Kajian Rekaan Seni Visual. Pelajar-pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia akan lebih bersedia untuk melaksanakan penghasilan folio khususnya bagi kertas Kajian Rekaan Seni Visual apabila berada di Tingkatan 5 nanti.



1.6 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini memberikan tumpuan kepada kefahaman pelajar terhadap warna dan kemahiran mewarna pelajar dalam menghasilkan folio KRSV. Pelajar perlu mengetahui dan memahami jenis-jenis warna yang bermula dengan warna asas iaitu merah, kuning dan biru. Kemudian campuran warna-warna itu pula menghasilkan warna sekunder dan warna tertier. Campuran warna ini penting kerana menerusi aktiviti ini pelajar lebih cepat memahami tentang betapa setiap warna itu mempunyai nilai warna yang tersendiri seperti ton warna yang terhasil akibat daripada campuran warna cerah dan gelap. Ini penting kerana ia menghasilkan sudut atau komposisi yang berlainan bagi sesuatu objek itu, sebagai contohnya bagi warna yang tidak kena pantulan cahaya matahari ia kelihatan gelap dan sebaliknya.



Selain daripada itu, kefahaman tentang gubahan warna juga adalah penting kerana pelajar adakalanya suka menggunakan warna sewarna sebagai contoh warna hijau. Bagi menimbulkan kesan seperti hijau muda atau hijau tua, peranan warna putih dan hitam digunakan bagi menampakkan hasilnya. Kemudian, pelajar dapat mengaplikasikan semasa penghasilan folio tersebut.

Selain daripada mengetahui nilai warna dan gubahan warna, pelajar juga perlu mengetahui tentang suhu warna seperti suhu warna panas dan suhu warna sejuk. Ini penting semasa mereka mengaplikasikan reka bentuk folio tersebut. Menerusi suhu warna ini pelajar memahami bahawa terdapat beberapa jenis warna yang dikategorikan sebagai warna panas dan warna sejuk contohnya warna merah, kuning serta campuran-campuran warna yang kelihatan sangat menonjol dan ketara. Pada pelajar yang gemar menghasilkan folio yang mempunyai sifat warna ini, pemahaman suhu warna adalah sangat penting kerana ia mampu menjadi satu daya tarikan sesuatu gubahan yang dihasilkan.

Bagi warna bertindak pula, pelajar perlu menguasai dan memahami betapa warna bertindak ini mampu menimbulkan satu latar belakang yang sangat menarik pada gubahan yang dihasilkan dan memberi kesan tindakan yang aktif sama ada bersifat kontra, harmoni, aktif atau pasifnya warna bertindak itu. Contohnya bagi gubahan yang menggunakan warna bertindak kuning maka elemen-elemen warna seperti biru muda, merah hati atau hijau tua mampu mewujudkan warna bertindak yang sangat aktif dan kontra pada penghasilan yang dihasilkan pada gubahan tersebut.





Selain daripada itu, pemahaman pelajar tentang fungsi warna juga adalah sangat penting kerana ia mampu menimbulkan bentuk yang baik, kesan jalinan yang cantik, kesan ruang yang menarik serta rupa yang dibentukkan juga menarik. Ini penting supaya pelajar mengetahui fungsi warna, juga perlu ditekankan semasa menghasilkan sesuatu karya atau folio supaya ia kelihatan tidak kaku atau kelihatan biasa.

Selain memahami kepentingan warna dalam menghasilkan folio atau gubahan, kemahiran mewarna juga adalah penting kepada pelajar sebagai contoh penggunaan media warna. Tidak semua pelajar mahir dalam penggunaan media warna kerana kelemahan dalam kemahiran ini akan mencacatkan kecantikan folio atau gubahan yang dihasilkan. Contohnya penggunaan media cat minyak sudah pasti menimbulkan pelbagai masalah semasa menghasilkan folio. Seperti mana kita ketahui media cat minyak merupakan media yang sangat rumit dan lambat kering malahan penggunaannya sesuai ke atas kain kanvas sahaja berbanding kertas seperti yang digunakan oleh pelajar bagi menghasilkan folio. Oleh yang demikian, kemahiran memahami dan menggunakan media warna adalah sangat penting supaya pelajar tidak menerima masalah semasa penghasilan folio.

Untuk penghasilan folio yang baik juga, penguasaan dan kemahiran teknik mewarna juga adalah penting kerana ia memberi kesan kepada folio tersebut sama ada cantik atau sebaliknya. Kemahiran teknik ini penting terutama bila warna dan berus digabungkan semasa aktiviti sapuan warna pada folio berlaku. Bagi pelajar yang tidak menguasai teknik ini sudah pasti kita akan melihat sapuan warna kelihatan agak kasar





atau comot dan ini mencatitkan pemarkahan semasa sesi penilaian pemarkahan berlaku. Dalam hal ini, pelajar perlu menguasai pelbagai teknik mewarna kerana ia sangat membantu dalam penghasilan folio yang berkualiti.

Menjadi tidak lengkap sekiranya kemahiran penggunaan alatan mewarna tidak dikuasai dengan baik kerana ia turut memberi kesan kepada penghasilan folio yang dihasilkan. Penggunaan alatan seperti berus lukisan perlu dikuasai sepenuhnya oleh pelajar dan mereka juga perlu mengetahui tentang fungsi setiap bentuk dan saiz berus tersebut. Bagi kawasan yang besar atau luas sudah pasti berus bersaiz besar digunakan kerana ia sesuai dan lebih mudah untuk sapuan warna pada bahagian tersebut berbanding berus bersaiz kecil malahan turut menjimatkan masa. Walaupun penggunaan berus ini kelihatan agak remeh tetapi ia memberi kesan sampingan yang sangat penting pada penghasilan folio yang dihasilkan.



1.7 Fokus Kajian

Kajian ini terbatas kepada tempat kajian, responden kajian dan tumpuan kajian. Kajian ini hanya dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Batu Kurau, Perak berdasarkan pada kerjasama yang sedia diberikan oleh pihak pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang boleh dirujuk dalam membantu kajian ini.





Kajian ini dijalankan dalam tempoh masa selama 6 bulan bergantung kepada bagaimana peserta kajian boleh menyiapkan folio yang perlu mereka hasilkan. Kajian ini hanya terbatas kepada folio pembungkusan yang dihasilkan oleh peserta kajian sahaja dan tidak melibatkan artifak pembungkusan.

Tumpuan kajian adalah untuk melihat kefahaman, kemahiran dan fungsi warna oleh pelajar pada folio pembungkusan. Selain itu, beberapa set soalan temu bual juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kefahaman, kemahiran dan fungsi warna oleh pelajar semasa menghasilkan folio pembungkusan.

1.8 Definisi Operasional



Beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini diberikan definisi secara operasional dan dijelaskan mengikut konteks dalam kajian ini untuk memudahkan pemahaman dan perkaitan serta perbincangan.

1.8.1 Fungsi Warna

Fungsi warna mengikut kajian ini ialah peranan warna yang digunakan oleh pelajar dalam pembungkusan beg kertas contohnya untuk menarik perhatian pengguna, simbol, ketenangan, menimbulkan kontra, harmoni, berani dan sebagainya.





1.8.2 Warna dalam Pembungkusan

Warna dalam konteks kajian ini ialah beberapa kategori warna seperti merah, biru, kuning, jingga, hijau, ungu dan sebagainya yang digunakan oleh pelajar untuk mewarna karya akhir folio pembungkusan.

1.8.3 Kemahiran Mewarna

Kemahiran mengikut konteks kajian ini ialah kecekapan, kepandaian atau mempunyai kemahiran dalam mewarna yang dimiliki oleh pelajar. Kemahiran mewarna yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini menjurus kepada kemahiran teknik-teknik mewarna, sapuan berus dan warna dan pengolahan warna oleh pelajar dalam mewarna folio pembungkusan.



1.8.4 Mewarna

Mewarna dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana pelajar menyapu warna pada lakaran-lakaran imej yang dibuat pada folio pembungkusan.

1.8.5 Folio Pembungkusan

Folio pembungkusan dalam kajian ini merujuk kepada koleksi hasil kerja pelajar yang mengandungi segala hasil penulisan, kajian dan lakaran kajian, gambar dan proses penghasilan tugas pembungkusan.





1.8.6 Pembungkusan

Pembungkusan dalam kajian ini merujuk kepada pembungkusan beg kertas yang perlu dihasilkan oleh pelajar. Pelajar perlu mereka bentuk dan menghasilkan sebuah beg kertas dengan lakaran imej, corak, warna untuk satu pameran buku.

1.8.7 Pelajar

Pelajar dalam kajian ini merujuk kepada beberapa orang pelajar sekolah menengah tingkatan 4 yang telah dipilih sebagai responden kajian.

1.8.8 Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV)



Buku Panduan Guru KRSV (2004) Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan Kajian Rekaan Seni Visual ialah sebahagian daripada instrumen pentaksiran untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual 2611/3 Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian Rekaan Seni Visual merupakan salah satu dari 3 kertas wajib yang harus diambil oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian Rekaan Seni Visual memerlukan calon menyempurnakan tugas yang diberi dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Calon dikehendaki menghasilkan kajian folio ke arah penghasilan produk dan menghasilkan produk akhir sebagai artifak. Dalam konteks kajian ini, folio Kajian Rekaan Seni Visual adalah merupakan salah satu instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian kerana di dalam Kajian Rekaan Seni Visual ini mengandungi segala hasil





penulisan, kajian dan lakaran kajian serta proses penghasilan folio pelajar-pelajar (portfolio).

1.9 Penggunaan Warna

Penggunaan warna dalam kajian ini khusus kepada warna cat poster atau cat air bagi media basah dan warna pensil bagi media kering. Pemilihan penggunaan warna akan ditentukan oleh pelajar sendiri sama ada mereka mahu menggunakan cat poster, cat air atau warna pensil. Pemilihan warna ini adalah bersesuaian dengan tajuk pembelajaran dan teknik yang lazim digunakan oleh pelajar. Tajuk folio pembungkusan dipilih sendiri oleh guru berdasarkan 1 daripada 9 tajuk Kajian Rekaan Seni Visual Sijil



Pelajaran Malaysia 2006.

1.10 Teknik Mewarna Media Basah

1. Teknik *Hard Edges* – Teknik ini seolah-olah seperti catan yang dipotong-potong. Teknik ini menggunakan masking tape untuk memisahkan warna.
2. Teknik *Glazing* – Teknik ini seolah-olah menampakkan kilauan. Teknik ini dibentuk dengan sapuan berus yang bersahaja.
3. Teknik *Scambling/Lembut* – Teknik menggunakan berus yang terkawal, menggunakan lapisan warna.





4. Teknik *Alla Prima* – Teknik menyapu warna cat minyak hanya sekali iaitu terus tiup dan melukis.

1.11 Teknik Cat Air

Terdapat 3 teknik mewarna yang akan dilihat melalui kaedah pemerhatian dalam kajian ini. Teknik tersebut adalah:

1. Kering atas kering (*dry on dry*)
2. Kering atas basah (*dry on wet*)
3. Basah atas kering (*wet on dry*)



1.12 Rumusan

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang fungsi warna dan kemahiran mewarna pada folio pembungkusan dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4 di salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Batu Kurau, Perak. Masalah yang timbul ialah kelemahan pelajar dalam mewarna khususnya dalam bidang pembungkusan.

Mewarna pada permukaan yang rata berbeza dengan mewarna dalam pembungkusan kerana dalam pembungkusan warna-warna yang digunakan adalah terhad. Isu yang timbul ini menyebabkan pengkaji ingin menjalankan kajian dan cuba





merunglai permasalahan yang berlaku. Pengkaji mengharapkan hasil kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat mencari jalan penyelesaian dan seterusnya mengatasi masalah yang berlaku supaya pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat ditingkatkan. Responden kajian yang terlibat dalam kajian ini seramai 9 orang pelajar Tingkatan 4 pelbagai tahap kebolehan. Fokus kajian adalah kepada folio pembungkusan Kajian Rekaan Seni Visual yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar. Dalam bab ini juga pengkaji menjelaskan definisi atau istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian.

